

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERAKUAN BETUL PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN
DI BAWAH AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986
LEMBAGA PENGAWALAN DAN PELESENAN PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN
(LPPPQ)**

BAHAGIAN KAWALAN PENERBITAN DAN TEKS AL-QUR'AN (PQ)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

www.moha.gov.my

1. PERAKUAN BETUL PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN

Berdasarkan Peruntukan di bawah seksyen 6 (1) Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (APTQ) 1986, seseorang yang ingin mencetak menerbit teks Al-Qur'an hendaklah memohon Perakuan Betul Pruf Akhir dengan mengemukakan **Salinan Asal Pruf Akhir atau salinan asal teks Al-Quran** kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri.

Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan berdasarkan peruntukan dibawah seksyen 6 (3) APTQ 1986 iaitu seseorang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

2. TAFSIRAN: TEKS AL-QUR'AN

Berdasarkan Peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (APTQ) 1986 Ertinya: sesuatu dokumen yang mengandungi teks bahasa Arab yang lengkap bagi Al-Qur'an atau mana-mana bahagiannya yang mengandungi satu juzu' atau lebih sama ada dengan terjemahan atau tafsiran atau tidak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Manakala Bahan Al-Qur'an ertinya sesuatu dokumen yang mengandungi mana-mana Ayat Al-Qur'an. Ini termasuk juga Teks Al-Qur'an atau dokumen yang kurang daripada satu juzu' seperti Iqra', Muqaddam, Surah Yasin serta Surah-surah terkumpul, *frame* dan sebagainya.

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Pemohon mestilah warganegara Malaysia atau Syarikat Berdaftar (SSM/SKM).
- ii. Pemohon beragama Islam / Syarikat dimiliki oleh orang Islam.
- iii. Mempunyai dua (2) orang Panel Perunding. Panel Perunding hendaklah :
 - a) Memiliki sekurang-kurangnya kelulusan Diploma Tahfiz Al-Qur'an / Qiraat yang diiktiraf.
 - b) Bukan terdiri dari kalangan ahli Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Teks Al-Qur'an / Lajnah Tasleh Al-Qur'an, KDN
- iv. Permohonan baru tidak akan diterima sekiranya :
 - a) Syarikat masih belum menyelesaikan pembetulan bagi permohonan terdahulu yang mendapat keputusan Lulus Dengan Pembetulan.
 - b) Syarikat masih mempunyai 5 Pruf Akhir Teks Al-Qur'an yang telah diluluskan yang masih belum dicetak.
 - c) Syarikat masih tidak menghantar 2 (dua) salinan pruf akhir yang telah dicetak untuk simpanan lembaga.

4. SYARAT-SYARAT PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN.(SEKSYEN 6, APTQ 1986).

Kaedah Penulisan

- i. Pruf Akhir / salinan asal hendaklah menggunakan kaedah penulisan Al-Qur'an Rasm Uthmani.
- ii. Penulisan teks Al-Qur'an adalah berdasarkan Al-Qur'an cetakan Mujamma' Malik Fahd, Madinah Al-Munawwarah.
- iii. Setiap muka surat dalam mushaf Al-Qur'an hendaklah ditulis dengan tulisan Arab kecuali bagi naskhah terjemahan dan tafsir.
- iv. Menulis ayat Al-Qur'an dengan tulisan rumi (Romanise) atau tulisan selain bahasa Arab adalah tidak dibenarkan.
- v. Penulisan teks Al-Qur'an berwarna hendaklah mematuhi Garis Panduan Penulisan Al-Qur'an Berwarna.
- vi. Tidak dibenarkan penggunaan sebarang watermark atau latar belakang pada teks Al-Qur'an.
- vii. Surah Al-Fatihah hendaklah dimulakan (mukasurat 1) di halaman sebelah kanan.

Terjemahan

- i. Terjemahan Al-Qur'an hendaklah mendapat kelulusan dari JAKIM terlebih dahulu.
- ii. Terjemahan Al-Qur'an hendaklah berpandukan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman keluaran JAKIM.
- iii. Terjemahan hendaklah disertakan dengan teks Al-Qur'an dalam Bahasa Arab. Teks Al-Qur'an yang mengandungi terjemahan Al-Qur'an sahaja dengan apa-apa bahasa juga tidak dibenarkan.
- iv. Terjemahan perkata adalah dibenarkan dengan syarat , disertakan dengan terjemahan penuh dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh pihak lembaga.
- v. Sebarang penambahan seperti prakata, pendahuluan, penghargaan,panduan,doa dan lain-lain hendaklah diletakkan di akhir mushaf.
- vi. Setiap naskhah hendaklah diletakkan riwayat bacaan di bahagian depan sebelum surah Al-Fatiyah, di bahagian bawah mukasurat.

Kulit Muka Depan Naskah (Mock-up)

- i. Setiap nama bahan Al-Qur'an hendaklah diletakkan tajuk "**Al-Qur'an Al-Karim**". Nama bahan boleh diletakkan kemudiannya dengan syarat tulisan yang lebih kecil dan di dalam kurungan.
Contoh : Al-Qur'an Al-Karim (Mushaf Al-Muzakkir)
- ii. Penggunaan perkataan "**Al-Qur'an Al-Karim**" perlu dinyatakan bagi setiap mushaf Al-Qur'an dan perkataan "**Tafsir/Terjemahan Al-Qur'an**" bagi mushaf terjemahan.

5. PROSEDUR PERMOHONAN PERAKUAN BETUL PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN

- i. Mengisi Borang A2 dengan lengkap dan Borang D bagi permohonan import.
- ii. Menyertakan satu salinan kad pengenalan pemohon.
- iii. Mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat / Perniagaan Terkini - Borang 9, 24 & 49 atau Borang B & D (Disahkan dan dicetak oleh SSM dalam tahun semasa) (jika syarikat).

- iv. Menyertakan salinan asal pruf akhir:
 - a) Mushaf Al-Qur'an tanpa terjemahan – 2 Pruf Akhir
 - b) Mushaf Al-Qur'an dengan terjemahan- 3 Pruf Akhir.
 - c) CD / Digital/ MP3/ Lain-lain – 5 Pruf Akhir.
- v. Menyertakan muka depan asal / mock-up Al-Qur'an yang akan diterbitkan (termasuk halaman cetakan)
- vi. Menyertakan surat kebenaran mencetak/menerbit/mengimport daripada penerbit dan pemilik asal (jika Pruf Akhir bukan milik pemohon)
- vii. Menyertakan Surat Pengesahan Betul dari JAKIM bagi terjemahan dan tafsir (jika Pruf Akhir mengandungi terjemahan atau tafsir)
- viii. Menyertakan Surat Perakuan Penyemakan Pruf Akhir oleh Panel Perunding Syarikat (Borang B1)
- ix. Menyertakan bayaran dalam bentuk **wang pos atau bank draf** atas nama **"Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri"**.
- x. Kategori bayaran adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	KADAR
1.	Teks Al-Qur'an (1 hingga 30 Juzu') <ul style="list-style-type: none"> - Mushaf,digital dan lain-lain 	RM 1500
2.	Bacaan Qari Al-Qur'an (1 hingga 30 Juzu') <ul style="list-style-type: none"> - Bacaan Setiap Qari - Himpunan bacaan Qari Al-Qur'an 	RM 1500
3.	Himpunan Surah-surah yang melebihi 1 Juzu'	RM 1500
4.	Teks Al-Qur'an Terjemahan/Tafsiran berulang. (Cth: Tafsir Ibnu Kathir, Prakata dan lain-lain.	RM 1500

- xi. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

Unit Pengurusan Al-Qur'an,
 Bahagian Kawalan Penerbitan Dan Teks Al-Quran,
 Kementerian Dalam Negeri
 Aras 5, Blok D1, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62546 Wilayah Persekutuan Putrajaya
 Tel: 03-8886 8573 / 8027

6. PENGIMPORTAN AL-QUR'AN. (SEKSYEN 7, APTQ 1986).

Pengimport hendaklah mengemukakan permohonan sebagaimana diatas dan mengisi **borang Akuan Berkanun (Borang D)**. **Borang Permohonan Pengimportan (Borang D1)** perlu diisi bagi setiap kemasukan pengimportan Al-Quran yang telah diluluskan.

7. KEPUTUSAN PERMOHONAN PERAKUAN BETUL PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN

Keputusan Permohonan Perakuan Betul Pruf Akhir Teks Al-Qur'an akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Mesyuarat Lembaga Pengawalan dan Perlesenan Percetakan Al-Qur'an (LPPPQ).

8. PEMBETULAN PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN (LULUS DENGAN PEMBETULAN)

- a) Sebarang pembetulan yang diarahkan oleh Lembaga hendaklah dibuat dan dikembalikan semula dalam tempoh yang ditetapkan bersama dengan Borang Perakuan Penyemakan Pembetulan (Borang B2).
- b) Kegagalan membuat pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan kelulusan terbatal.
- c) Pruf akhir pembetulan yang dikemukakan hendaklah dihantar dalam satu mushaf lengkap.

9. KELULUSAN DAN PERCETAKAN

- a) Perakuan Betul Pruf Akhir perlu dicetak dalam tempoh dua (2) tahun. Sekiranya cetakan pertama tidak dibuat dalam tempoh tersebut, perakuan betul pruf akhir teks Al-Qur'an boleh dibatalkan.
- b) Perakuan Betul Pruf Akhir yang telah dicetak hendaklah diserahkan 2 salinan kepada LPPPQ.
- c) Satu salinan mushaf hendaklah disimpan oleh syarikat.
- d) Setiap kali cetakan ulangan hendaklah dinyatakan bilangan cetakan, bulan, dan tahun terbit.

10. MAKLUMAT YANG PERLU DIPAPARKAN PADA TEKS AL-QUR'AN YANG DICETAK.(SEKSYEN 8, APTQ 1986).

Setiap teks Al-Qur'an yang dicetak atau diterbitkan di Malaysia atau diimport ke dalam Malaysia hendaklah menunjukkan dengan ketara dan jelas pada helai bercetak yang pertama atau yang akhir teks itu, atau dalam hal sesuatu teks rakaman, pada suatu bahagian mudah dilihat. Maklumat-maklumat tersebut ialah:

- a) nama dan alamat pencetak dan penerbitnya, atau dalam hal teks rakaman, orang yang bertanggungjawab bagi pembuatan rakaman itu dan bagi penerbitan teks rakaman itu.
- b) dalam hal sesuatu teks Al-Qur'an yang diimport, nama dan alamat pengimportnya.
- c) alamat tempat ia dicetak, dirakamkan atau diterbitkan.
- d) suatu pernyataan yang bermaksud Ayat-ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam teks itu telah diperakui betul oleh Lembaga menurut seksyen 6 atau 7.
- e) nombor rujukan perakuan yang relevan.

11. TANGGUNGJAWAB PANEL PERUNDING YANG DILANTIK OLEH PENERBIT, PENCETAK DAN PENGIMPORT

Bagi memastikan pruf akhir yang dihantar kepada lembaga untuk kelulusan adalah sahih dan menepati peraturan pencetakan Al-Qur'an yang ditetapkan oleh LPPPQ, setiap pruf akhir hendaklah disemak oleh 2 orang Panel Perunding yang dilantik. Panel Perunding bertanggungjawab:

- a) Menyemak dan memperakukan betul Pruf Akhir Al-Qur'an yang akan dikeluarkan oleh Penerbit dan Pencetak sesuatu permohonan baru atau pembetulan Pruf Akhir Teks Al-Qur'an sebelum dihantar kepada Kementerian Dalam Negeri dengan menggunakan Borang B1 yang disediakan.
- b) Menyemak pembetulan yang dibuat dan memastikan ianya adalah mengikut sebagaimana diarahkan oleh LPPPQ dengan menggunakan Borang B2.
- c) Menyemak dan memastikan teks Al-Qur'an siap dicetak menepati pruf akhir yang diluluskan oleh LPPPQ dan tidak mengandungi kesilapan cetakan.